

# Pusat Alumni UMS beramah mesra dengan alumni di Kuching

UB 26.10.2016 86

KUCHING: Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan pertemuan dan sesi ramah mesra bersama alumni UMS di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Alumni Mohd Raffie Hj Janau berkata program itu bertujuan menjejaki alumni UMS di Sarawak bagi memperkukuhkan hubungan bersama alma mater.

“Kita juga ingin memaklumkan bahawa para alumni diiktiraf sebagai duta UMS terhadap seluruh agensi kerajaan atau swasta dan masyarakat dengan membawa kecemerlangan melalui jenama UMS di serata tempat.

“Para alumni juga berperanan sebagai penasihat, membantu dalam perjumpaan (reunion) anjuran



**SEKITAR** Majlis Ramah Mesra Pusat Alumni UMS bersama alumni di Kuching, Sarawak.

UMS atau menyumbang kepada pembangunan universiti demi kepentingan bersama,” katanya ketika berucap pada majlis yang julung kalinya diadakan di Bumi Kenyalang.

Pada majlis itu, Raffie turut

menyempurnakan pelan-caran Chapter Alumni UMS bagi Zon Kuching.

Menurut beliau dengan tertubuhnya chapter itu, akan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan alumni di negeri itu dengan



**RAFFIE (depan, tujuh dari kanan) bergambar kenangan bersama alumni.**

melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk perancangan untuk mengadakan Majlis Homecoming.

Serentak dengan pelan-caran itu, turut diadakan

pelantikan jawatankuasa tertinggi yang menyaksikan Zaim Zaidi dilantik sebagai Ketua Chapter dan Ahmad Shafiq Ahmad Sabirin Tim-balan Ketua Chapter.

Jawatan Setiausaha dan Bendahari pula masing-masing disandang Nurul Azzah Zainal dan Francesca Lim Way.

Program itu turut di-

serikan dengan acara citra karisma yang menyaksikan para alumni memperkenalkan diri masing-masing dan memaklumkan perihal status pekerjaan pada masa kini.